

AKHBAR : BH AHAD  
MUKA SURAT : 9  
RUANGAN : NASIONAL

# Gangguan genetik antara sebab sindrom kematian mengejut

Pakar tolak anggapan sukan ekstrem punca utama kes SADS golongan 40 tahun ke bawah

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sebahagian besar kes Sindrom Kematian Mengejut Golongan Dewasa (SADS) dalam kalangan mereka berusia 40 tahun dan ke bawah berkait dengan jantung.

Pakar Perunding Kardiologi, Hospital Pakar KPJ Tawakkal Kuala Lumpur, Dr Zul Hilmi Yaakob menolak anggapan sukan ekstrem yang dilakukan oleh golongan berkenaan menjadi punca utama kepada SADS.

Katanya, SADS boleh disebabkan oleh beberapa faktor, termasuk disebabkan gangguan genetik.

"Ia boleh dibahagikan kepada dua kategori, bagi mereka yang berusia bawah 35 tahun, penyebab utama berlaku sindrom mungkin disebabkan otot jantung tebal atau

*hypertrophic cardiomyopathy* serta *dilated cardiomyopathy* (otot jantung bengkok dan lemah).

"Selain itu ia juga boleh disebabkan masalah jantung kongenital seperti Sindrom QT Panjang (Long QT Syndrome) atau gangguan irama jantung seperti sindrom Brugada (masalah genetik yang menyebabkan degupan jantung yang tidak teratur).

"Bagi individu yang berusia 35 tahun ke atas pula, kebanyakan kes membabitkan peringkat usia ini disebabkan serangan jantung. Ini berlaku disebabkan salur darah jantung (koronari) tersumbat.

"Ia terjadi kerana menjalani gaya hidup tidak sihat seperti merokok, mempunyai penyakit kencing manis, darah tinggi, mempunyai kandungan lemak atau kolestrol yang tinggi dalam darah serta kegemukan," katanya kepada BH, semalam.

Sebelum ini, Pengasas Pusat Kesejahteraan Heart Bit E-ECP, Dr S Denesh dilaporkan berkata, golongan populasi berusia 40 tahun dan ke bawah di negara ini yang mengalami SADS semakin meningkat.

## Kejutan sistem kardiovaskular

Katanya, peningkatan itu mungkin disebabkan oleh kejutan terhadap sistem kardiovaskular berpunca peningkatan mendadak aktiviti fizikal selepas tidak melakukannya dalam tempoh yang panjang ketika perintah kawalan pergerakan apabila negara dilanda pandemik COVID-19.

"Aktiviti senaman fizikal dalam kalangan penduduk kita ketika itu amat kurang. Apabila perintah itu ditarik balik, ramai antara kita yang terlalu cepat dan agresif melakukan senaman sehingga menyebabkan kes SADS meningkat.

"Apabila anda tidak melakukan senaman dalam tempoh yang lama, ia akan menyebabkan sedikit kejutan terhadap tubuh (jika seseorang itu secara tiba-tiba melakukan senaman secara intensif)," katanya.

Dalam pada itu, bagi mengelakkan berlaku SADS, Dr Zul Hilmi berkata, untuk golongan usia bawah 35 tahun, mereka boleh melakukan saringan berkala, termasuk elektrokardiogram (ECG) atau memasang Implantable Cardioverter Defibrillator (ICD).

ICD adalah alat kecil yang



Dr Zul Hilmi Yaakob

**Sindrom Kematian Mengejut Golongan Dewasa (SADS)**

- Lebih 80 peratus kematian SADS di Malaysia disebabkan berkaitan jantung
- Hanya empat minit untuk menyelamatkan seseorang daripada mati mengejut. Lebih daripada 1000 kematian disebabkan kerosakan pada sel otak
- 43 peratus kematian mengejut di seluruh negara adalah dalam kalangan golongan muda berusia bawah 40 tahun

**Tanda-tanda serangan**

- Sakit di bahagian dada, kiri lengan atau muka, culak bernafas, boleh dengar degupan jantung dengan jelas serta berpeluh
- Berpeluh kerana badan berayak dalam keadaan bahaya dan mengaktifkan saraf simpatis
- Sakit di bahagian perut, gemas kepala, loya dan muntah
- Perlu dapatkan rawatan segera jika mengalami gejala ini

**Masalah babin jantung**

- Gangguan genetik seperti *hypertrophic cardiomyopathy* (otot jantung tebal) dan mengimpang sirip dada
- Apabila jantung berdegup semakin laju, lisan darah terhenti daripada di paku ke seluruh badan oleh pergerakan dinding otot jantung yang tebal
- Sindrom QT Panjang (sistem elektrik jantung menjadi tidak normal)
- Gangguan irama jantung seperti sindrom Brugada (masalah genetik yang menyebabkan degupan jantung tidak teratur)

**Cara elak**

- Lakukan saringan berkala termasuk elektrokardiogram (ECG) atau memasang Implantable Cardioverter Defibrillator (ICD)
- Jaga pemakanan, senaman, elak bertekan serta tidak merokok

diletakkan bawah kulit di dada dan ia berfungsi memantau serta mengawal aritmia berbahaya dengan memberi kejutan elektrik ketika berlaku gangguan pada jantung.

"Bagi mereka yang berusia 35 tahun ke atas dan mempunyai masalah salur darah koronari tersumbat, boleh mengelakkan daripada SADS dengan menjalani gaya hidup sihat seperti menjaga pemakanan, lakukan senaman, elakkan tertekan serta tidak merokok.

"Senaman yang ekstrem sangat jarang menjadi penyebab kepada kematian mengejut. Perlu lebih risau jika rakyat di negara ini tidak bersenam," katanya.

Sementara itu, Pakar Perunding Kardiologi Hospital Serdang, Datuk Dr Asri Ranga Abdullah Ramaiah berkata, SADS itu hanyalah satu istilah yang me-

rujuk kepada kematian mengejut membabitkan golongan dewasa dan ia bukannya satu perkara baharu di negara ini.

Katanya, pelbagai istilah digunakan untuk merujuk kepada permasalahan berkenaan di negara ini.

Mengulas lanjut, Dr Asri berkata, sebanyak 80 peratus golongan dewasa yang meninggal dunia secara mengejut disebabkan masalah berkaitan jantung, manakala 20 peratus lagi pula mungkin mengalami pembekuan pada saluran darah atau paru-paru.

"Kalau kes di Malaysia, kebanyakan kes disebabkan oleh serangan jantung. Namun sekiranya ia berlaku di hospital, pesakit mengadu sakit dada dan terus pangsang, kita dapat tangani dan selamatkan dia daripada meninggal dunia secara mengejut," katanya.

AKHBAR : BH AHAD  
MUKA SURAT : 17  
RUANGAN : NASIONAL

## 173 parkir sementara di HSA

**Johor Bahru:** Kerajaan negeri menyediakan 173 petak parkir sementara di kawasan berhampiran Hospital Sultanah Aminah (HSA), di sini, bagi mengatasi isu kesesakan dan kepadatan kenderaan dalam kawasan hospital berkenaan.

Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi berkata, kawasan tempat letak kenderaan berkeluasan kira-kira 2.42 hektar itu dijangka siap dan dapat digunakan orang ramai yang ingin ke HSA bermula penghujung bulan ini.

"Orang ramai yang ingin ke HSA selepas ini, tidak

perlu lagi meletakkan kenderaan di bahu jalan jika petak parkir dalam HSA sudah penuh.

"Di sini, orang ramai boleh finggalkan kenderaan dan berjalan menuju ke HSA menggunakan jejan-tas sedia ada.

"Jika ingin menghantar pesakit, waris boleh merrun-kan pesakit di bangunan HSA dan kemudian datang ke sini dan parkir kenderaan di sini.

"Dalam sebulan ini, insya-Allah parkir ini peruma, tetapi kita akan serahkan kepada operator parkir HSA untuk memutuskan, harap mereka teruskan se-

lepas itu," katanya ketika merasmikan Majlis Gimik Pecah Tanah Tapak Letak Kenderaan HSA di sini, semalam.

Sebelum ini, isu kekurangan petak parkir di HSA banyak kali disuarakan orang awam sehingga ada yang meletakkan kenderaan pada bahu jalan sehingga menyebabkan kesesakan luar biasa.

Hospital tertua di Johor ini mempunyai 920 lot parkir yang diwartakan untuk kegunaan awam dan kakitangan serta tambahan 320 lot yang tidak diwartakan dan tidak berturap untuk kakitangan.



AKHBAR : BH AHAD  
MUKA SURAT : 19  
RUANGAN : NASIONAL

# Kilang disyaki proses ubat batuk tiruan diserbu

Seorang wanita kendalikan premis ditahan dalam operasi bersepadu di Mantin

Oleh Farah Marshita Abdul Patah  
farahmarshita@bh.com.my

**Putrajaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menyerbu sebuah kilang disyaki memproses ubat batuk tiruan di Mantin, Negeri Sembilan, dan menahan seorang wanita dipercayai bertanggungjawab mengendalikan premis itu.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN, Datuk Azman Adam,

berkata dalam serbuan itu, 10,000 botol ubat batuk siap dibungkus, 900 liter cecair disyaki ubat batuk

dalam mesin pengadun, kenderaan dan beberapa peralatan lain yang digunakan untuk memproses ubat berkenaan, turut dirampas.

"Semua bahan terbabit bersama beberapa dokumen perniagaan lain disita bagi tujuan siasatan dengan nilai rampasan keseluruhan dianggarkan RM236,516," katanya dalam satu kenyataan, di sini, malam kelmarin.

## Risikannya tiga bulan

Azman berkata, operasi bersepadu pada 15 Disember lalu itu dijalankan pasukan penguat kuasa KPDN Putrajaya bersama

Kementerian Kesihatan (KKM) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dengan kerjasama Pusat

Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (NFCC) susulan aduan diterima serta risikan awal oleh KKM selama tiga bulan sebelum serbuan.

Selain itu, beliau berkata, dua bangunan industri atau kilang di kawasan perindustrian ringan yang dijadikan tempat pemprosesan ubat batuk tiruan berkenaan

turut disita dengan nilai keseluruhan dianggarkan RM2.6 juta.

Susulan serbuan itu, 56 akaun turut dibekukan membabitkan sembilan entiti dengan empat daripadanya merupakan akaun syarikat, manakala baki lima akaun individu dengan keseluruhannya



Azman Adam



Penguatkuasa KPDN menyerbu sebuah kilang disyaki memproses ubat batuk tiruan di Mantin, Negeri Sembilan.

(Foto ihsan KPDN)

RM10.68 juta.

Azman berkata, syarikat terbabit juga akan disiasat bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram (AMLATFPUAA) 2001 (Akta 613), iaitu kesalahan pengubahan wang haram, manakala wanita berusia 38 tahun itu

pula disiasat bawah Akta Cap Dagangan 2019 (Akta 815).

Beliau berkata, KKM juga akan menjalankan siasatan lanjut bawah Akta Racun 1952 (Akta 366) yang mengenakan hukuman denda tidak lebih RM50,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

BERNAMA

AKHBAR : KOSMO AHAD  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : NEGARA

## Elak beli, guna kit ujian tamat tempoh

**PUTRAJAYA** – Kementerian Kesihatan (KKM) menasihati orang ramai supaya tidak membeli dan menggunakan kit ujian sendiri Covid-19 yang sudah tamat tarikh luput.

KKM dalam hantaran di Facebook berkata, penggunaan kit ujian yang telah melebihi tarikh luput boleh memberi keputusan ujian tidak tepat.

"Untuk makluman, tiada kelulusan diberikan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) kepada pelanjutan tarikh luput untuk mana-mana kit ujian sendiri Covid-19.

"Namun, MDA ada memberikan kelulusan kepada perubahan jangka hayat dan kestabilan peranti perubatan yang telah berdaftar termasuk kit ujian sendiri Covid-19.

"Jangka hayat ialah tempoh masa sehingga tarikh luput, di mana *reagen in vitro* dalam pembungkusan asalnya, mengekalkan kestabilannya di bawah keadaan penyimpanan yang ditentukan oleh pembuat," katanya.

Katanya, perubahan kepada jangka hayat peranti perubatan yang telah mendapat kelulusan MDA boleh dijual dan digunakan dalam pasaran.

Orang ramai mempunyai keraguan, maklum balas atau aduan berkaitan kit ujian sendiri Covid-19 boleh menghubungi MDA melalui <https://femes.mda.gov.my> atau hubungi **03-8230 0300**.



AKHBAR : KOSMO AHAD  
MUKA SURAT : 10  
RUANGAN : NEGARA



ONN HAFIZ melakukan gimik pelancaran pembinaan tempat letak kereta Hospital Sultanah Aminah (HSA) di Johor Bahru semalam.

Lokasi disediakan atas tanah seluas dua hektar

## 400 parkir sementara atasi kesesakan HSA

Oleh MOHAMAD FAIZAL HASHIM

**JOHOR BAHRU** – Kerajaan negeri mengambil inisiatif menyediakan hampir 400 petak letak kenderaan sementara di kawasan hadapan Hospital Sultanah Aminah (HSA), di sini bagi mengatasi kesesakan.

Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi berkata, kawasan parkir sementara yang terletak kira-kira 200 meter dari HSA itu boleh digunakan oleh orang awam seawal hujung bulan ini.

"Bagi fasa pertama, kita akan menyediakan sebanyak 178 petak parkir untuk kegunaan pengguna di HSA, dijangka siap akhir bulan ini sebelum sambutan perayaan Tahun Baharu Cina.

"Lebih 200 lagi akan dilaksanakan dalam fasa kedua mengikut keperluan dari semasa ke semasa yang melibatkan jumlah keseluruhan tanah melebihi dua hektar, tapi kita tengok sambutan dahulu," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Gimik Pecah Tanah Tapak Letak Kenderaan HSA, di Jalan Abu Bakar, di sini semalam.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Mohd. Jafni Md. Shukor.

Sebelum ini, masalah kekurangan petak tempat letak kenderaan di HSA, di sini banyak kali disuarakan oleh orang awam sehingga ada yang meletakkan kenderaan di bahu jalan dan me-

nyebabkan berlaku kesesakan luar biasa.

Hospital tertua di Johor itu mempunyai sebanyak 920 lot parkir untuk kegunaan awam dan kakitangan diwartakan di kawasan hospital dan tambahan 320 lot yang tidak diwartakan dan tidak berturap untuk kakitangan.

Dalam pada itu, Onn Hafiz memberitahu, bagi peringkat awal ini, orang awam boleh menggunakan parkir berkenaan secara percuma.

"Dalam tempoh sebulan, parkir berkenaan akan diberikan secara percuma kemudian akan diserahkan kepada pihak HSA untuk mengendalikannya," katanya.

AKHBAR : METRO AHAD  
MUKA SURAT : 12  
RUANGAN : LOKAL

## Sedia tapak parkir sementara di HSA

**Johor Bahru:** Kerajaan Johor mengambil inisiatif menyediakan kawasan parkir sementara di Hospital Sultanah Aminah (HSA) di sini, bagi mengatasi kesesakan di hospital itu.

Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi berkata, parkir sementara yang mampu memuatkan sebanyak 173 kenderaan itu, terletak berhadapan jalan HSA dan dengan jarak kira-kira 200 meter dari hospital berkenaan.

"Kawasan parkir berkeluasan enam ekar ini dijangka siap pada akhir bulan ini, jadi selepas ini pengguna HSA tidak lagi perlu parkir di tepi jalan, jika parkir di dalam kawasan hospital penuh.

"Kita juga menjangkakan akan buat kawasan parkir sementara untuk fasa kedua, yang mampu memuatkan 200 kenderaan, sekiranya ia mendapat sambutan daripada orang ramai," katanya selepas merasmikan Majlis Gimik Pecah Tanah Tapak Letak Kenderaan HSA, semalam.

Setakat ini, terdapat 920 lot parkir untuk kegunaan awam dan kakitangan di-



ONN Hafiz pada Majlis Gimik Pecah Tanah Tapak Letak Kenderaan HSA. - Gambar NSTP/IZZ LAILY HUSSEIN

wartakan di kawasan HSA, dengan tambahan 320 lot yang tidak diwartakan dan tidak berturap.

Sementara itu, Onn Hafiz berkata, inisiatif Johor Bersih yang dilaksanakan kerajaan negeri sejak 2022, membantu meningkatkan kesedaran rakyat menge-

nai kepentingan menjaga kebersihan.

Beliau berkata, semua 16 pihak berkuasa tempatan (PBT) di Johor juga giat melakukan pembersihan dan berjaya mengutip sebanyak 156,898 kilogram sisa sampah sepanjang tahun lalu.

"Johor Bersih adalah agenda berterusan dan saya lihat kesedaran masyarakat sudah menunjukkan peningkatan.

"Kerajaan negeri turut mengalu-alukan masyarakat untuk membuat aduan jika ada orang buang sampah dan sebagainya," katanya.

Onn Hafiz berkata, pada masa sama kerajaan negeri akan terus memberikan keutamaan dalam meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai aspek kebersihan.

**"Kawasan parkir berkeluasan enam ekar dijangka siap pada akhir bulan ini, jadi selepas ini pengguna HSA tidak lagi perlu parkir di tepi jalan, jika parkir di dalam kawasan hospital penuh"**

AKHBAR : SUNDAY STAR  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NATION

## Lee: Exempt T&CM from SST

**GEORGE TOWN:** The sales and service tax (SST) will incur additional burden to the poor and needy seeking traditional and complementary medicine (T&CM), says Alliance for a Safe Community chairman Tan Sri Lee Lam Thye.

Urging the government to reconsider the decision, Lee said he hoped the sector would be exempted from the tax.

"The imposition of SST will have a serious effect on the low income group.

"If the SST is to be imposed, it will incur additional burden and add on to the rising cost of living to patients, especially the elderly who need long-term treatments for their health problems.

"This is something that I feel is a reason-

able and legitimate request. I hope the government will listen to the plight of practitioners as well as those undergoing T&CM treatments," he said yesterday.

Lee suggested that T&CM practitioners who have been told to settle the outstanding SST, dating back to 2018, would also be exempted.

"This is time for the government to show it cares for the poor and lower income groups and certainly not time to impose the tax which will increase their hardship."

Beginning March, T&CM facilities such as those providing traditional and natural alternative health treatments, with a minimum annual turnover of RM500,000, will have to pay an 8% SST.